

# Pelajar paling suka biasiswa NUS, NTU

UNIVERSITI Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dipilih sebagai penyedia biasiswa paling popular di kalangan lepasan terkini GCE peringkat 'A' dan Diploma Bacca-laureate Antarabangsa (IB).

NUS kekal di tangga teratas, sebagaimana tahun lalu, manakala NTU naik satu tangga ke tempat kedua, menggantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC) yang jatuh ke tempat keenam.

Changi Airport Group (CAG), Singapore Airlines (SLA) dan Lembaga Pembangunan Ekonomi (EDB) masing-masing di tempat ketiga, keempat dan kelima.

Demikian hasil *Tinjauan Biasiswa dan Kerjaya BrightSparks* yang disertai 2,738 responden antara Mac dengan April lalu.

Encik Lim Der Shing, ketua pegawai eksekutif (CEO) Kumpulan JobsCentral, yang memiliki BrightSparks, berkata dapatan itu tidak memeranjatkan kerana biasiswa universiti semakin popular dan trend itu sudah dilihat sejak beberapa tahun lalu.

"Biasiswa universiti memberi lebih banyak kelonggaran dalam kursus pengajian dan lazimnya tidak mengenakan bon. Kedu-duanya amat menarik bagi pelajar muda kita yang mahukan manfaat kedu-duanya," kata beliau.

Seramai 1,533 responden merupakan lepasan GCE peringkat 'A' dan Diploma IB, 650 pelajar tahun akhir politeknik dan baki 555 mahasiswa tahun pertama dan

kedua NUS, NTU serta Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Dapatan lain tinjauan itu antara lain ialah 55.4 peratus lepasan GCE peringkat 'A' dan Diploma IB menjangka gaji permulaan melebihi \$3,000 sebulan dan lebih ramai daripada mereka menunjukkan minat belajar hanya di Singapura. Sebanyak 49.8 peratus daripada mereka berkata demikian, bertambah 4.4 peratus daripada tahun lalu.

Selain itu, kursus pertadbiran perniagaan kekal jurusan paling popular, dengan sekitar 40 peratus lepasan GCE peringkat 'A' dan Diploma IB memilih kursus itu. Ini diikuti perakaunan (28.8 peratus); kejuruteraan (28.6 peratus); ekonomi (26.9 peratus); dan sains sosial (26.7 peratus).